

USIM hantar wakil wanita

Cari gelaran pada Futsal i-Metro-FAM Zon Tengah

>>Oleh Alias Abd Rani

alias@hmetro.com.my

SELEPAS mencuba nasib dengan menghantar empat pasukan pada Karnival Futsal i-Metro-FAM 2008 Zon Timur, bulan lalu, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekali lagi masih bersemangat mengemukakan wakil ke Zon Tengah, hujung bulan ini.

Justeru, kehadiran wakil USIM yang barangkali membabitkan hanya pasukan wanita di HTO de Futsal Subang Jaya pada 24 dan 25 Mei ini memang dialu-alukan.

Pegawai Belia dan Sukan USIM, Nur Ekmal Buhary (*gambar*), berkata pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan jurulatih pasukan wanita bagi menentukan keputusan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, bagi pasukan lelaki USIM tidak dihantar kerana jadual karnival ini bertindih



dengan kejohanan futsal Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Pasukan wanita akan bertanding pada kejohanan sama di Universiti Malaya (UM) lebih awal daripada lelaki. Jadi, mereka mungkin boleh dihantar menyertainya.

“Menegenai pasukan lelaki

kami tidak dapat menghantar kerana masalah teknikal. Saya akan berbincang perkara ini dan kami berusaha untuk memastikan wakil USIM akan beraksi dalam karnival ini,” katanya.

Zon Timur menyaksikan USIM menghantar empat wakil - masing-masing dua Terbuka Lelaki dan Wanita walaupun tiada satu antara mereka layak ke Grand Final.

Kehadiran USIM ke karnival yang menawarkan hadiah RM34,500 keseluruhan menjadikan universiti ketiga terbesar menghantar wakil selepas Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang sebelum ini berbuat perkara sama.

Jika dinilai, karnival ini sudah mula mendapat perhatian bukan saja peringkat sekolah bahkan universiti turut mendapat tempat walaupun saingan begitu sengit.